

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN NO. 7

YB TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil demi meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa khususnya dalam usaha menarik pelaburan asing ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif membolehkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing dan sentiasa menjadi destinasi pelaburan utama bagi pelabur- pelabur asing di rantau ini.
2. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, Malaysia merekodkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM92.0 billion. Dari jumlah ini, pelaburan asing menunjukkan peningkatan memberangsangkan iaitu sebanyak 97.2% iaitu RM49.5 billion berbanding RM25.1 billion yang dicatat pada pertengahan tahun pertama tahun 2018.
3. Dalam tempoh yang sama, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM33.15 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 75.8% atau RM25.1 billion pelaburan adalah daripada sumber pelaburan asing. Negara Amerika Syarikat dan China merupakan

SOALAN NO : 7

penyumbang pelaburan terbesar di dalam sektor perkilangan, masing-masing berjumlah RM11.7 billion (35.3%) dan RM4.8 billion (14.5%) yang direkodkan dalam tempoh ini. Ini menunjukkan bahawa pelaburan asing memainkan peranan penting dalam memacu perkembangan ekonomi negara pada masa ini.

4. Pelabur asing, khususnya yang telah bertapak di Malaysia dilihat terus melabur, berkembang dan mempelbagaikan projek mereka khususnya dalam projek berteknologi tinggi dan berintensifkan modal. Pihak Kementerian percaya dengan aktiviti promosi yang berterusan, misi pelaburan yang bersasar dan usaha-usaha menambahbaik fasilitasi yang mesra perniagaan akan dapat terus meningkatkan keyakinan pelabur dan menarik lebih banyak pelaburan berkualiti pada tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

5. Antara langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meraih pelaburan luar sekaligus mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan pelaburan adalah:

i. Melaksanakan “pendekatan berfokus” dan “pendekatan ekosistem” dalam usaha menarik pelaburan berkualiti, dengan memberi penekanan terhadap industri yang bernilai tambah tinggi; industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal; industri berintensifkan pengetahuan; serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Dalam konteks ini, pelbagai usaha galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri-industri tersebut telah diperkenalkan dan ditambahbaik secara berterusan.

ii. Mengkaji dan membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap pelaksanaan dasar dan polisi sedia ada supaya mesra pelaburan. Ini adalah bagi memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan yang kondusif dan kompetitif untuk para pelabur asing dengan menyasarkan projek-projek yang berkualiti dan berimpak tinggi. Ini juga sekaligus dapat melengkapkan ekosistem

SOALAN NO : 7

sektor perkilangan dan perkhidmatan yang disasarkan melalui pemberian insentif serta memudahcara proses dan prosedur.

iii. Memperluaskan pembangunan rantai bekalan dengan melengkapkan hubungan rantai industri sama ada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baru. Ini dilakukan dengan menyediakan platform untuk padanan perniagaan (*business matching*) di mana projek usahasama atau *joint-venture projects* dapat dilakukan bagi melaksanakan pengilangan kontrak. Antara langkah Kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut adalah dengan menganjurkan beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau *suppliers' conferences* dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor.

iv. Penganjuran program-program seperti Misi Perdagangan dan Pelaburan, '*Specific Project Mission*' dan '*Supplier Conference Seminar*' oleh Kementerian dan agensi-agensinya di bawah Kementerian ini ke negara-negara pengeksport utama modal dan teknologi. Kementerian akan bekerjasama dengan agensi untuk berkongsi maklumat terkini tentang peluang pelaburan dan kedudukan ekonomi negara yang kukuh ketika mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Malaysia melalui penganjuran seminar, mesyuarat meja bulat dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di negara ini.

6. Strategi-strategi tersebut adalah antara usaha-usaha yang diambil untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia. Kerajaan akan sentiasa komited dengan usaha berterusan bagi menarik pelaburan asing ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.